

MARCH 2016

# “MASALAH MERATA-RATA”

Kemaskini Situasi Pelarian Rohingya di  
Thailand, Malaysia dan Indonesia



**FORTIFY RIGHTS and  
BURMESE ROHINGYA ORGANIZATION UK**  
Terjemahan Rizal Rozhan



## **“Masalah Merata-rata”**

Satu Laporan Ringkas mengenai Situasi Pelarian Rohingya yang berasal dari Myanmar di Thailand, Malaysia, dan Indonesia

Gambar Kulit Hadapan : Pelarian Rohingya berasal dari Myanmar yang ditahan di penjara Songkla, Thailand. ©Fortify Rights, 2015

# KANDUNGAN

Ringkasan .....	3
Metodologi .....	6
Thailand .....	7
Penahanan Pelarian Rohingya .....	7
Penahanan Pelarian Kanak-Kanak Rohingya .....	10
Penyeludupan Manusia .....	11
Perlindungan di Laut dan Dasar “Help On” Thailand .....	12
Malaysia .....	13
Kekurangan Akses kepada Prosedur Suaka dan Pendaftaran UNHCR .....	13
Keganasan Polis dan Penahanan .....	14
Pengeksploitasian Buruh .....	16
Kekurangan Akses Penjagaan Kesihatan dan Pendidikan .....	17
Indonesia .....	17
Pengurangan di dan Keadaan Kem-Kem di Aceh .....	17
Kekurangan Solusi Jangka Panjang .....	18
Gangguan ke atas dan Pengusiran Efektif En. Tun Khin, Presiden BROUK .....	19
Penghargaan .....	20

# Ringkasan

---

Pada Mei 2015, sindiket-sindiket penyeludupan manusia meninggalkan bot-bot mengandungi ribuan pelarian Rohingya dan warganegara Bangladesh yang telah tiba dari Negeri Rakhine, Myanmar dan Bangladesh, terdampar di Laut Andaman. Daripada memulakan bantuan-bantuan mencari dan menyelamatkan, sebaliknya negara-negara penting sekitar rantau ini telah memperkasakan sempadan mereka dan sebahagian daripada negara-negara tersebut memintas dan menunda bot-bot hanyut ini lebih jauh ke tengah laut. Berikutan desakan antarabangsa, beberapa negara-negara ahli Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) bersetuju untuk membenarkan pendaratan dan perlindungan sementara untuk pelarian yang terselamat. Kegagalan ASEAN untuk segera mengutamakan perlindungan untuk pelarian yang terselamat telah membawa kepada jumlah bilangan nyawa tidak diketahui yang hilang di laut.

Hampir sepuluh bulan kemudian, Burmese Rohingya Organization UK (BROUK) dan Fortify Rights telah melawat Thailand, Malaysia dan Indonesia dari 15 Februari ke 9 Mac untuk menilai situasi pelarian Rohingya di setiap negara. Wakil-wakil daripada persatuan-persatuan tersebut telah bermesyuarat dengan pegawai-pegawai kerajaan, pegawai-pegawai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dan organisasi-organisasi bukan kerajaan; melawat pusat-pusat tahanan imigresen, pusat-pusat perlindungan yang dikendalikan oleh kerajaan dan kem-kem pelarian; dan menjalankan temubual-temubual bersama pelarian Rohingya dan mangsa-mangsa penyeludupan manusia yang terselamat.

Laporan ringkas ini adalah berdasarkan mesyuarat-mesyuarat dan temubual-temubual tersebut.

Kekurangan akses kepada perlindungan asas di Thailand, Malaysia dan Indonesia adalah suatu isu yang berterusan bagi pelarian Rohingya. Hasilnya, ribuan pelarian Rohingya di Asia Tenggara terdedah kepada keganasan, pengeksploitan, penyeludupan manusia, penahanan berpanjangan dan tidak terbatas dan refolement.

Di Thailand, BROUK bersama dengan Fortify Rights amat bimbang berkenaan tahanan berlarutan ratusan pelarian Rohingya di Pusat Tahanan Imigresen (IDC) dan pusat perlindungan yang dikendalikan oleh kerajaan. Sebagai contohnya, Thailand telah menahan sekurang-kurangnya 40 pelarian Rohingya untuk tempoh sekitar sepuluh bulan di IDC Songkhla, termasuklah yang dilaporkan satu dozen atau lebih kanak-kanak lelaki berumur kurang daripada 18 tahun. Kesemua kanak-kanak di IDC Songkhla dilaporkan tidak ditemani oleh penjaga mereka. Warga-warga yang ditahan mendedahkan kepada BROUK dan Fortify Rights bahawa mereka telah diletakkan di dalam sel-sel yang penuh sesak, di mana mereka tidur sebelah-menyebelah di atas lantai sel-sel tersebut. Pelarian yang ditahan di Songkhla menyatakan bahawa mereka kekurangan akses kepada kesihatan, perkhidmatan kesihatan mental, dan peluang untuk bersenam atau berada di kawasan yang lapang bagi apa-apa jumlah masa.

Undang-undang antarabangsa melarang penahanan arbitrari, menyalahi undang-undang, atau tidak terhad, termasuklah mereka yang bukan warganegara. Suatu negara hanya boleh menyekat hak kebebasan pendatang dalam kes-kes yang luar biasa berikutan penilaian terperinci terhadap individu berkenaan. Mana-mana penahanan mestilah bersifat mustahak dan seimbang untuk mencapai matlamat yang sah dari segi undang-undang. Kegagalan untuk mempertimbangkan kaedah-kaedah yang kurang bersifat paksaan dan ketat juga boleh dikira sebagai penahanan arbitrari.

Janji kerajaan Thailand untuk mengambil isu penyeludupan manusia lebih serius dan untuk mendakwa mereka yang bertanggungjawab tidak mencerminkan tindakan mereka berhubung dengan penyeludupan pelarian Rohingya dari Myanmar. Pengugutan terhadap saksi oleh pasukan keselamatan telah disuluh apabila kes berprofil tinggi penyeludupan manusia yang melibatkan 91 defendan dituduh terlibat dalam penyelupan warga-warga Rohingya dan Bangladesh. Ketua penyiasat kes tersebut, Polis Mejar Jeneral Paween Pongsirin telah melarikan diri ke Australia pada November 2015, tersebut menyatakan telah melarikan diri kerana risau akan keselamatan hidupnya, meningkatkan lagi kebimbangan mengenai komitmen Thailand untuk mendakwa penyeludup-penyeludup manusia. Dalam pada itu, penahanan berterusan orang-orang terselamat daripada penyeludupan manusia di Thailand, termasuklah di pusat perlindungan yang diselia oleh kerajaan, telah mendedahkan golongan tersebut kepada risiko yang lebih tinggi untuk diseludup semula selain keganasan-keganasan lain.

Di Malaysia, BROUK bersama Fortify Rights teramat bimbang dengan keadaan pelarian Rohingya yang terselamat daripada krisis bot May 2015, yang dilaporkan kini masih ditahan di IDC Belantik, di mana akses untuk United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) dan pembekal perkhidmatan adalah sangat terhad. Ribuan pelarian Rohingya yang lain pula berdepan penahanan tanpa had di pusat-pusat tahanan di serata Malaysia.

Pelarian Rohingya juga memberitahu BROUK dan Fortify Rights bahawa pihak berkuasa Malaysia kerap mengancam untuk menahan mereka sebagai kaedah untuk memeras wang dan harta dari mereka, terutamanya mereka yang tidak mampu menghasilkan dokumentasi yang betul.

Mahupun pegawai-pegawai UNHCR di Malaysia mengakui bahawa pendokumentasian tidak rasmi PBB menyediakan perlindungan tidak formal yang tidak ternilai kepada pelarian di negara tersebut, perubahan dalam amalan pendaftaran UNHCR telah mengurangkan akses kepada prosedur suaka untuk pelarian Rohingya, meninggalkan ramai tanpa apa-apa dokumen rasmi dan berisiko untuk masalah keselamatan yang serius, termasuklah kemungkinan penahanan tanpa had. Pelarian Rohingya berulang kali berkata kekurangan akses kepada pendaftaran UNHCR adalah isu tunggal yang paling penting yang mereka hadapi di Malaysia, diikuti oleh kekurangan akses kepada penjagaan kesihatan yang berpatutan dan kekurangan akses kepada kehidupan yang bermaruah.

Sekalipun berhadapan kekurangan perlindungan untuk pelarian di Malaysia, negara ini masih merupakan destinasi utama bagi warga Rohingya melarikan diri dari Myanmar. Terutamanya kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang bermajoriti Islam di mana ramai warga Rohingya mempunyai keluarga atau rangkaian sosial. Sindiket penyeludupan manusia telah menggunakan keinginan pelarian Rohingya untuk berhijrah ke Malaysia. Pihak berkuasa Malaysia telah gagal untuk mendakwa mereka yang terlibat dalam penyeludupan warga Rohingya ke Malaysia melalui Thailand, dan dalam konteks kegagalan sistem pendakwaan ini, rangkaian penyeludupan manusia yang baharu berkemungkinan besar telah ditubuhkan, menyasarkan warga Rohingya di Indonesia.

Dalam pada Indonesia menerima pujian daripada pelbagai pihak kerana membuka sempadannya kepada pelarian Rohingya selepas nelayan-nelayan Aceh dengan berani menyelamatkan lebih daripada 1,000 mangsa penyeludupan manusia pada Mei 2015, penemuan kami mencadangkan pihak berkuasa berhak hampir tiada pujian yang ditujukan sebenarnya untuk para nelayan tersebut. Pihak berkuasa Indonesia terus mbingkaikan keadaan pelarian Rohingya di Indonesia sebagai tindak balas kecemasan dan terus mengurung mangsa-mangsa warga Rohingya daripada krisis bot Mei 2015 di kem-kem yang daif dari segi kelengkapan di sekitar wilayah Aceh. Pelarian Rohingya yang tinggal di kem-kem tersebut tidak bebas untuk meninggalkan kem mereka dan perlu bergantung kepada pembekal perkhidmatan untuk keperluan asas mereka. Pelarian Rohingya yang

tinggal di kawasan-kawasan lain di Indonesia dengan status UNHCR tidak mempunyai kebebasan bergerak di negara ini.

Selain itu, dalam perjalanannya untuk menyiapkan laporan ringkas ini, pihak berkuasa Indonesia menghantar pulang Presiden BROUK Encik Tun Khin pada 6 Mac, berikutan sesi "bertemu dan berkenalan" dengan komuniti pelarian Rohingya di Makassar pada 4 Mac. Pihak berkuasa Imigresen mengambil pasport UK Tun Khin dan menyoal beliau mengenai kegiatannya di Indonesia. Berikutan soal siasat tersebut, pegawai-pegawai imigresen mengarahkan beliau untuk menandatangani kenyataan yang ditulis dalam bahasa tempatan. Berikutan itu, pihak berkuasa tersebut enggan memberikan beliau suatu salinan atau membenarkan beliau untuk mengambil gambar kenyataan yang beliau tandatangani. Selepas mengembalikan pasport beliau, Tun Khin bertolak dari negara tersebut pada 7 Mac.

Dalam setiap negara yang dilawati, hak pelarian Rohingya terus-menerus dilanggar. Manakala, perlindungan untuk mereka amatlah daif.

Penaniayaan-penganiayaan di atas hanyalah suatu realiti yang menghimpit umat Islam Rohingya di Myanmar selain yang dihadapi di negara ibunda mereka, di mana pihak berkuasa telah secara sistematik menganiaya mereka selama beberapa dekad. Di Rakhine, lebih daripada 145,000 lelaki, wanita, dan kanak-kanak Rohingya disumbat ke dalam lebih daripada 65 kem-kem yang berada dalam keadaan kotor. Rohingya dan umat Islam yang lain telah dipindahkan dari rumah mereka pada tahun 2012 berikutan pertempuran ganas dengan penganut agama Buddha di Rakhine melalui serangan yang disasarkan, diselaraskan, dan diorganisasikan kerajaan. Lebih daripada 1 juta warga Rohingya di Myanmar dinafikan kebebasan pergerakan dan akses yang saksama kepada hak-hak kewarganegaraan, menjadikan kebanyakan daripada mereka tanpa kerakyatan. Walaupun ramai warga Rohingya di Myanmar menaruh harapan bahawa kerajaan yang baru, yang diketuai oleh Liga Kebangsaan Demokrasi, akan membalikkan penyalahgunaan kuasa dan penganiayaan yang berdekad lamanya, punca-punca asas yang menyebabkan krisis serantau pelarian Rohingya masih belum diatasi.

Sehingga keadaan di Myanmar berubah, Rohingya akan terus melarikan diri, dan sehingga perlindungan bagi pelarian bertambah baik di Thailand, Malaysia, dan Indonesia, warga Rohingya akan terus menderita dengan sia-sia.

"Saya tidak mempunyai pekerjaan dan tiada pendapatan dan ini sukar. Bukan mudah untuk mendapatkan pekerjaan tanpa kad PBB," keluhan seorang pelarian wanita Rohingya tanpa dokumen yang tinggal di Kuala Lumpur, Malaysia sejak Jun 2014. "Saya tidak sihat. Keluarga saya dipisahkan. . . Masalah merata-rata."

## Metodologi

---

Laporan ringkas Burmese Rohingya Organization UK (BROUK) dan Fortify Rights ini mengkhususkan kepada situasi pelarian Rohingya dari Myanmar di Thailand, Malaysia, and Indonesia. Ianya berdasarkan perjumpaan-perjumpaan dan wawancara-wawancara yang dijalankan oleh BROUK dan Fortify Rights di setiap negara tersebut bermula daripada 15 Febuari sehingga 9 Mac.

Presiden BROUK, Tun Khin, berserta beberapa wakil dari Fortify Rights telah melawat Kuala Lumpur dan Pulau Pinang di Malaysia; Jakarta, Makassar, dan Aceh di Indonesia; dan Bangkok dan Wilayah Songkhla di Thailand.

BROUK dan Fortify Rights juga telah bertemu dengan pegawai-pegawai kerajaan, pegawai-pegawai PBB dan badan-badan bukan kerajaan; melawat sebuah pusat tahanan imigresen, pusat perlindungan yang dikendalikan oleh kerajaan, dan kem-kem pelarian; dan menghadiri mesyuarat-mesyuarat komuniti Rohingya. BROUK dan Fortify Rights menemuramah empat pelarian Rohingya di IDC Songkhla. Selain itu, Fortify Rights mengendalikan satu temu bual berkumpulan dan lapan temu bual secara individu dengan pelarian Rohingya di Pulau Pinang, Malaysia. Tambahan pula, penyelidikan yang telah dijalankan oleh Fortify Rights di Indonesia, Thailand, dan Malaysia juga diambil kira dalam laporan ringkas ini.

Temu bual bersama pelarian telah dijalankan sama ada menggunakan Bahasa Inggeris atau bahasa Rohingya dengan tafsiran bahasa Inggeris. Tidak ada seorang pun daripada mereka yang ditemubual menerima pampasan dan mereka juga memahami tujuan temu bual ke atas mereka dijalankan, kesukarelaan temu bual tersebut, dan cara-cara maklumat yang mereka kongsi mungkin digunakan pada masa hadapan. Kesemua subjek temubual telah memberikan persetujuan berpengetahuan. Nama-nama mereka yang ditemubual dan maklumat-maklumat lain yang berkemungkinan mampu mendedahkan subjek temubual telah ditahan untuk tujuan keselamatan.

Laporan ringkas ini bukanlah berdasarkan penyelidikan yang mendalam serta pendokumentasian hak asasi manusia yang dijalankan dalam suatu tempoh masa yang lama, tetapi lebih kepada penyelidikan yang khusus, tiga negara misi dalam tempoh kira-kira tiga minggu.

# THAILAND

---

## Penahanan Pelarian Rohingya

1. BROUK dan Fortify Rights amatlah bimbang terhadap layanan, keadaan, dan masa hadapan pelarian Rohingya yang ditahan dalam pusat-pusat tahanan di Thailand. Terdapat kira-kira 400 pelarian Rohingya yang ditahan dalam pusat-pusat tahanan dan pusat-pusat perlindungan yang dikendalikan oleh kerajaan di seluruh Thailand. Undang-undang antarabangsa melarang penahanan arbitrari, menyalahi undang-undang atau tidak terhad, termasuklah mereka yang bukan warganegara. Kecualian untuk suatu negara menyekat hak kebebasan pendatang asing hanyalah dalam kes-kes luar biasa setelah penilaian terperinci terhadap orang yang terlibat telah dijalankan. Suatu penahanan perlulah mustahak dan saksama untuk mencapai matlamat yang sah. Kegagalan untuk mempertimbangkan kaedah-kaedah yang kurang bersifat paksaan dan ketat demi mencapai matlamat tersebut juga boleh dikira sebagai penahanan arbitrari.
2. Pada 8 Mac, BROUK dan Fortify Rights telah melawat IDC Songkhla, di mana 40 pelarian Rohingya bersama dengan 17 warga Bangladesh dan 23 lagi ditahan. BROUK dan Fortify Rights telah berjumpa dengan pegawai penahanan imigresen di IDC Songkhla dan bercakap secara peribadi dengan empat tahanan Rohingya, berumur 21 sehingga 45 tahun, berasal dari utara Wilayah Rakhine.
3. BROUK dan Fortify Rights bimbang terutamanya berkaitan dengan tempoh penahanan yang berlarutan dan risiko penahanan tidak terhad ke atas pelarian Rohingya di Thailand. Tahanan-tahanan Rohingya memaklumkan BROUK dan Fortify Rights bahawa mereka dijatuhi hukuman pada 2015 atas kesalahan-kesalahan imigresen dan telah ditahan selama lebih kurang sepuluh bulan. Tahanan-tahanan Rohingya melahirkan ketidakpastian mengenai masa hadapan mereka. Sebagai pelarian tanpa kerakyatan, Rohingya tidak dapat kembali ke Myanmar. Mereka memaklumkan BROUK dan Fortify Rights bahawa wakil-wakil UNHCR melawat mereka "setiap satu bulan atau dua" dan memberitahu mereka bahawa mereka akan ditempatkan semula ke Amerika Syarikat, tertakluk kepada kelulusan daripada Kerajaan Thailand. Apabila BROUK dan Fortify Rights bertanya kepada pegawai-pegawai imigresen yang berperanan menyelia IDC Songkhla mengenai proses penempatan semula ke Amerika Syarikat atau ketiga lain negara, menurut satu pegawai, UNHCR telah "gagal untuk menyediakan kertas kerja." Apabila ditanya mengenai nasib kanak-kanak yang tidak berpenjaga di pusat tahanan berkenaan hasil usaha penempatan semula tersebut, pegawai yang sama menjawab, "keluarga akan ditempatkan semula bersama-sama," yang mana gagal menjawab soalan tersebut.
4. Keadaan tahanan dalam IDC Songkhla kelihatan jauh di bawah piawaian antarabangsa. Tahanan-tahanan memaklumkan BROUK dan Fortify Rights tentang pengurangan 24 jam sehari dalam sel yang tidak mempunyai ruangan peribadi yang mencukupi, di mana mereka tidur sebelah-menyebelah di atas lantai dan 40 orang berkongsi satu tandas berfungsi. Tahanan-tahanan melaporkan bahawa mereka tidak mempunyai akses kepada sabun atau ubat gigi. Tahanan-tahanan juga memberitahu BROUK dan Fortify Rights bahawa mereka menerima makanan tiga kali sehari, termasuklah nasi dan buah-buahan, tetapi menyifatkan kuantiti makanan yang disediakan sebagai tidak mencukupi. Menurut piawaian antarabangsa, keperluan asas, seperti peralatan tempat tidur dan kelengkapan peribadi serta pemakanan dan makanan yang mencukupi, perlu disediakan kepada tahanan.



5. Piawaian antarabangsa mengharuskan penyediaan rawatan perubatan yang sesuai kepada tahanan, termasuklah kaunseling psikologi. Ini merangkumi pemeriksaan fizikal dan mental yang dijalankan oleh profesional perubatan yang kompeten semasa ketibaan serta penilaian berkala. Apabila ditanya mengenai luka selebar seinci pada lengan beliau, seorang tahanan, 23, mendedahkan kepada BROUK dan Fortify Rights bahawa beliau menggigit dirinya sendiri. Beliau menyifatkan kemurungan dan keadaan terdesak melampau mengenai pengurangan beliau dalam pusat tahanan serta kebimbangan mengenai keganasan dan keganasan yang dilalui oleh keluarganya dan masyarakat di Myanmar. Menurut temu bual tersebut, seorang pegawai di pusat tahanan merawat luka beliau dengan apa yang dikhuatiri sebagai peroksida.
6. Tahanan-tahanan di IDC Songkhla menerangkan bahawa mereka mengalami sakit badan, kaki, dan sakit sendi serta kelemahan badan secara umumnya. Mereka memaklumkan BROUK dan Fortify Rights bahawa mereka tidak pernah diperiksa oleh pegawai perubatan profesional ketika berada dalam tahanan dan hanya pernah menerima Paracetamol dari seorang wanita yang bertutur dalam bahasa Rohingya ketika melawat pusat tahanan tersebut. Tahanan-tahanan mendedahkan kepada BROUK dan Fortify Rights bahawa pegawai imigresen gagal menguruskan rawatan perubatan untuk salah satu kanak-kanak Rohingya Mohammed Amin, 16, yang mengalami batuk-batuk dan menggigil. Mereka berkata pihak berkuasa hanya memberikan Paracetamol, dan hanya selepas "jeritan dan tangisan" oleh para tahanan, yang merisaukan bahawa kanak-kanak tersebut mungkin mati. Para tahanan juga melahirkan kebimbangan mengenai kesejahteraan seorang kanak-kanak Rohingya berusia 10 tahun yang beransur lemah ketika dalam tahanan. Mereka memberitahu BROUK dan Fortify Rights bahawa tiada tahanan yang meninggal dunia dalam tempoh sepuluh bulan mereka dalam tahanan.
7. Tahanan-tahanan perlu diberikan akses kepada ruang luar yang sesuai serta peluang untuk menjalankan beberapa bentuk latihan fizikal setiap hari. Seorang pegawai imigresen di IDC Songkhla mengesahkan maklumat yang disediakan oleh para tahanan kepada BROUK dan Fortify Rights bahawa para tahanan tidak diberikan suatu masa untuk keluar kurungan mereka atau untuk berada di kawasan lapangan dengan udara segar. BROUK dan Fortify Rights mengambil maklum satu bilik pada tingkat bawah bangunan pusat tahanan tersebut yang mengandungi logo UNHCR dan mengandungi peralatan senaman yang kelihatan tidak digunakan, termasuklah satu mesin treadmill yang tidak disambungkan pada punca tenaga. Seorang pegawai imigresen mengakui bahawa para tahanan boleh mengakses bilik ini dan menggunakan peralatan-peralatan tersebut untuk bersenam. Namun begitu para tahanan Rohingya memberitahu BROUK dan Fortify Rights bahawa pihak berkuasa tidak pernah menyediakan sesiapa dari kumpulan mereka dengan peluang untuk mengakses bilik senaman atau menggunakan peralatan-peralatan tersebut.
8. Beberapa tahanan lelaki di IDC Songkhla mempunyai isteri dan/atau anak-anak yang ditempatkan di pusat perlindungan yang diuruskan oleh Kementerian Pembangunan Sosial dan Keselamatan Manusia. Piawaian Antarabangsa mengharuskan pihak berkuasa untuk menyediakan kemudahan tempat tinggal untuk keluarga-keluarga, seberapa mampu. BROUK dan Fortify Rights menggesa Kerajaan Thailand untuk mengutamakan penyatuan semula keluarga tahanan.
9. Pada 7 Mac, BROUK dan Fortify Rights telah melawat pusat perlindungan yang dikendalikan oleh kerajaan di Daerah Rathaphum di Wilayah Songkhla, Selatan Thailand. Perlindungan ini merupakan kemudahan utama untuk pelarian Rohingya yang telah disaring sebagai mangsa penyeludupan manusia dan sedang dipanggil untuk memberi keterangan sebagai saksi dalam perbicaraan penyeludupan warga Rohingya yang melibatkan 91 defendan. Kebanyakan penduduk pusat perlindungan Rathaphum terdiri daripada golongan remaja lelaki Rohingya, menurut seorang pegawai kanan dalam lokasi. Dalam lawatan itu, BROUK dan Fortify Rights bertemu dengan pengurus pusat perlindungan dan memantau puluhan belia di pusat perlindungan tersebut.

10. Kerajaan telah mewajarkan penahanan berterusan Rohingya di pusat perlindungan Rathaphum sebagai satu bentuk perlindungan saksi. Walau bagaimanapun, pusat perlindungan Rathaphum, yang diselia oleh Kementerian Pembangunan Sosial dan Keselamatan Manusia, bukanlah terdiri daripada mana-mana program perlindungan saksi yang rasmi, yang mana sepatutnya diselia oleh Kementerian Keadilan di Thailand. Perlindungan ini terletak berhampiran suatu jalan dan tidak kelihatan selamat daripada potensi ancaman luar. Warga Rohingya di pusat perlindungan ini dijangka memberi keterangan terhadap pegawai-pegawai Tentera Darat, Tentera Laut, Polis dan Keselamatan Dalaman Arahan Operasi-agensi di bawah Pejabat Perdana Menteri ditumpukan kepada hal-hal keselamatan negara- Thailand, serta pegawai kerajaan tempatan dan orang awam. Fortify Rights menekankan keperluan untuk peningkatan tahap perlindungan bagi saksisaksi dalam perbicaraan itu melalui satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan pada 24 Disember 2015.
11. BROUK dan Fortify Rights bimbang bahawa kedua-dua IDC Songkhla dan pusat perlindungan tersebut kelihatan kekurangan jurubahasa Rohingya. Kakitangan kerajaan yang menguruskan pusat perlindungan lain di mana terletaknya wanita dan kanak-kanak Rohingya mengakui kepada BROUK dan Fortify Rights bahawa kekurangan jurubahasa Rohingya yang cekap dan disemak menimbulkan satu cabaran besar dan kebimbangan dari segi perlindungan untuk tahanan. Kakitangan pusat perlindungan berikut dilaporkan bergantung kepada ahli-ahli komuniti Rohingya untuk berkomunikasi dengan para tahanan, hal yang demikian didakwa membawa kepada penyeludupan semula beberapa tahanan pusat perlindungan tersebut.
12. Tidak seperti IDC Songkhla, BROUK dan Fortify Rights memerhatikan tahanan di pusat perlindungan Rathaphum menikmati senaman luar dengan apa yang kelihatan seperti akses konsisten untuk menikmati udara bersih. Tahanan-tahanan di pusat perlindungan tersebut juga kelihatan berada dalam keadaan kesihatan yang lebih baik daripada para tahanan IDC Songkhla. Meskipun keadaan di pusat perlindungan Rathaphum kelihatan lebih baik daripada IDC Songkhla, BROUK dan Fortify Rights kekal bimbang terhadap pengurangan berterusan warga Rohingya ke pusat-pusat perlindungan tersebut. Tahanan Rohingya tidak dibenarkan untuk meninggalkan pusat perlindungan yang mana melanggar hak kebebasan mereka
13. Pertama sekali, BROUK dan Fortify Rights mengesyorkan Kerajaan Thailand supaya segera menamatkan penahanan yang menganiaya pelarian Rohingya di pusat-pusat tahanan dan pusat-pusat perlindungan dikendalikan kerajaan. Penahanan berterusan pelarian Rohingya tanpa matlamat yang sah atau mustahak melanggar undang-undang antarabangsa. BROUK dan Fortify Rights juga mengingatkan Thailand bahawa apabila sesebuah negara menafikan seseorang kebebasan mereka, negara tersebut memikul tanggungjawab untuk menjaga orang tersebut. Thailand mempunyai tanggungjawab bukan sahaja untuk memastikan bahawa keputusan untuk menahan seseorang itu sah tetapi juga supaya rawatan dan keadaan tahanan adalah selaras dengan piawai antarabangsa. BROUK dan Fortify Rights menggesa Thailand untuk melindungi pelarian dan mangsa-mangsa penyeludupan manusia yang hidup dalam sempadannya.

## Penahanan Kanak-Kanak Rohingya

---

14. BROUK dan Fortify Rights amat bimbang dengan laporan tahanan di IDC Songkhla bahawa terdapat kanak-kanak pelarian Rohingya ditahan di IDC Songkhla. Empat tahanan Rohingya mendedahkan kepada BROUK dan Fortify Rights bahawa 16 daripada 40 tahanan Rohingya dalam pusat tahanan tersebut adalah kanak-kanak lelaki di bawah umur 18 tahun, dua daripada mereka adalah kira-kira berusia sepuluh tahun. Seorang pegawai di pusat tahanan itu juga mengesahkan terdapat kanak-kanak ditahan di pusat tahanan tersebut.
15. BROUK dan Fortify Rights mengingatkan Thailand obligasinya sebagai salah satu penandatangani Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) untuk melindungi kanak-kanak dan memastikan kepentingan terbaik kanak-kanak adalah pertimbangan utama. Pada dasarnya, kanak-kanak tidak sepatunya ditahan. Apabila kanak-kanak ditahan, undang-undang antarabangsa memerlukan beberapa keperluan khas tertentu dipenuhi, termasuk hak untuk berekreasi dan bermain serta hak pendidikan mereka. Layanan yang diberi serta kemudahan yang disediakan di IDC Songkhla tidak memenuhi keperluan tersebut terutamanya untuk kanak-kanak. BROUK dan Fortify Rights mendesak Thailand untuk melepaskan kanak-kanak ditahan di fasiliti-fasiliti imigresen di Thailand dengan segera.
16. Semua kanak-kanak pelarian Rohingya di IDC Songkhla dilaporkan tidak ditemani penjaga mereka dan ditahan dengan orang dewasa asing, menurut empat tahanan Rohingya yang ditemuramah oleh BROUK dan Fortify Rights. Di bawah undang-undang antarabangsa, tahanan kanak-kanak perlu diasingkan daripada tahanan dewasa kecuali jika mereka mempunyai talian persaudaraan. Dalam kes-kes yang melibatkan kanak-kanak yang ditahan dan dipisahkan dari saudara atau penjaga di Thailand, BROUK dan Fortify Rights mengesyorkan Thailand untuk segera memudahkan penyatuan semula ahli keluarga mereka. Dalam kes-kes yang melibatkan kanak-kanak berseorangan dalam tahanan, Thailand harus memudah-carakan urusan penjagaan alternative bagi kanak-kanak tersebut selaras dengan piawaian antarabangsa.

# Penyeludupan Manusia

---

17. Fortify Rights dan BROUK mengambil perhatian perubahan-perubahan signifikan dari segi penglibatan Thailand dalam penyeludupan pelarian Rohingya sejak setahun lalu. Pada 22 April 2015, Fortify Rights memberikan keterangan kepada Kongres AS tentang penglibatan pegawai kerajaan Thai dalam sindiket jenayah transnasional untuk memudahkan penyeludupan puluhan ribu pelarian Rohingya. Kebanyakan pelarian Rohingya yang bertemu dengan Fortify Rights dan BROUK di Malaysia merupakan mereka yang terselamat daripada diseludup melalui Thailand dan mereka berkongsi pengalaman mereka dalam Thailand, termasuklah dipukul, penyiksaan, kekurangan makanan, air, dan tempat tinggal, serta kematian di laut dan di pantai.
18. BROUK dan Fortify Rights memuji Thailand kerana mengambil inisiatif untuk mendedahkan kubur besar dan menghapuskan kem-kem penyeludupan di sempadan Thailand-Malaysia pada Mei 2015. Walau bagaimanapun, BROUK dan Fortify Rights bimbang berkenaan laporan bahawa pihak berkuasa Thailand pada peringkat pra-matang menutup siasatan terhadap penyeludupan pelarian Rohingya dan rakyat Bangladesh. Saksi dan kesaksian mangsa yang terselamat dikumpulkan oleh Fortify Rights sejak dua tahun yang lalu mencadangkan kewujudan kubur besar yang lain selain kubur didedahkan oleh pihak berkuasa Thai pada Mei 2015. Pegawai Thai memberitahu BROUK dan Fortify Rights bahawa sindiket-sindiket penyeludupan manusia yang telah memangsakan warga Rohingya masih aktif di selatan Thailand, perkara ini melihatkan keperluan untuk meneruskan penyiasatan. Secara peribadinya seorang pegawai telah mendedahkan kepada BROUK dan Fortify Rights bahawa pelarian Rohingya yang memasuki perairan Thai berisiko berhadapan dengan lanun "yang akan mengambil segala-galanya, termasuklah manusia." Adalah penting bagi Thailand untuk membuka semula siasatan jenayah penyeludupan manusia di Thailand dan menyediakan sumber yang mencukupi untuk memastikan siasatan tersebut selesai, bebas, dan berkesan. Untuk memastikan rangkaian penyeludupan manusia dipatahkan bukan semata-mata terganggu, Thailand mesti memastikan individu-individu bertanggungjawab pada paras tertinggi eselon sindiket penyeludupan manusia, termasuklah pegawai kerajaan dan tentera yang bersubahat, tanpa mengira pangkat.
19. BROUK dan Fortify Rights memuji Thailand kerana membawa 91 defendan, termasuk pegawai kerajaan, polis dan tentera, ke muka perbicaraan di Thailand untuk jenayah penyeludupan pelarian Rohingya dan rakyat Bangladesh. Meskipun langkah-langkah positif tersebut demi memastikan pesalah penyeludupan manusia bertanggungjawab, BROUK dan Fortify Rights mengambil maklum dengan kebimbangan dakwaan ancaman terhadap penyiasat-penyiasat dan saksi-saksi utama yang terlibat dengan kes itu. Fortify Rights telah menguar-kuarkan dua penerbitan pada 9 Disember dan 24 Disember mengenai ancaman terhadap penyiasat utama dalam kes itu dan kekurangan perlindungan saksi. Ancaman-ancaman tersebut boleh menjejaskan perbicaraan tersebut selain menjejaskan hasilnya. Sehingga akhir Disember 2015, hanya 12 daripada 500 saksi dalam perbicaraan tersebut telah menerima perlindungan saksi formal. BROUK dan Fortify Rights menggalakkan Thailand untuk meningkatkan langkah-langkah untuk melindungi penyiasat-penyiasat dan saksi-saksi yang terlibat dalam kes ini dan juga pemberi-pemberi maklumat lain mengenai pemerdagangan manusia di Thailand.
20. BROUK dan Fortify Rights juga mengulangi kekecewaan kami terhadap kekurangan perlindungan untuk mangsa penyeludupan pelarian Rohingya, yang sebahagian besarnya dikurung di pusat-pusat perlindungan yang dikendalikan oleh kerajaan termasuk pusat perlintang yang dilawati oleh BROUK dan Fortify Rights pada 7 Mac di Wilayah Songkhla. BROUK dan Fortify Rights mengingatkan Kerajaan Thailand bahawa penahanan bukanlah suatu bentuk perlindungan saksi dan mencadangkan kerajaan mengambil tindakan sertamerta untuk menamatkan penahanan arbitrari terhadap pelarian Rohingya di Thailand.

21. BROUK dan Fortify Rights juga mengambil perhatian isu berkenaan proses pemeriksaan untuk mengenal pasti mangsa penyeludupan manusia yang terselamat. Pegawai kerajaan Thai yang terlibat dalam memudahkan proses saringan tersebut menerangkan proses itu untuk Fortify Rights sebagai bersifat arbitrari sambil menambah bahawa ia adalah perkara biasa bagi segelintir pelarian Rohingya untuk dikategorikan sebagai mangsa penyeludupan manusia manakala lain-lain sebagai "pendatang haram" walaupun kedua-dua kumpulan yang mempunyai pengalaman yang sama.

## Perlindungan atas Laut dan Dasar “Help On” Thailand

---

22. BROUK dan Fortify Rights memuji peranan Thailand dalam menerajui dan menguruskan dua Mesyuarat Khas berkenaan Migrasi atas Lautan Hindi, yang menghimpunkan ahli-ahli negara ASEAN semasa krisis bot pada bulan Mei dan Disember 2015 untuk membincangkan respon serantau berkenaan krisis pelarian yang dihadapi. BROUK dan Fortify Rights mendapat galakan daripada komitmen segera Thailand untuk mengaturkan platform terapung untuk memberi bantuan kepada pendatang-pendatang yang dijumpai di laut dan mengaturkan operasi mencari dan menyelamatkan. BROUK dan Fortify Rights kecewa bahawa Thailand tidak menyertai negara-negara jiran mereka dalam bersetuju untuk membenarkan pendaratan atau menyediakan perlindungan sementara kepada mangsa. BROUK dan Fortify Rights menggesa Thailand menimbang semula keputusan tersebut dan teruskan komitmen untuk memastikan perlindungan atas laut, terutamanya dalam pengiktirafan bahawa pelarian Rohingya akan terus meninggalkan Myanmar menggunakan bot-satu-satunya cara yang memungkinkan-sehingga punca di Myanmar ditangani dengan efektif.
23. BROUK dan Fortify Rights juga menggalakkan Thailand untuk menyokong misi Stesen Bantuan Migrant Luar Pesisir (MOAS), yang dijadualkan beroperasi dengan tujuan untuk mengurangkan kehilangan nyawa atas laut di Andaman dan perairan bersebelahan pada 17 Mac. Seperti yang dibuktikan dalam kenyataan akhbar dikeluarkan pada 26 Februari, Fortify Rights merancang untuk menyertai kapal MOAS untuk menyediakan sokongan dalam memantau migrasi tidak teratur atas laut dan memberikan bimbingan kontekstual.
24. Sungguhpun langkah-langkah positif tersebut ke arah memastikan perlindungan atas laut, BROUK dan Fortify Rights masih sangat gusar terhadap dasar kekal "push-back" atau "helping on" Thailand berhubung dengan pelarian yang tiba ke Thailand menggunakan bot. Menurut dasar ini, Thailand telah menghalang pendatang dari tiba di Thailand dan bot-bot mengandungi pendatang asing telah ditunda kembali ke laut, membahayakan nyawa pendatang asing dan pelarian. Selaras dengan prinsip non-refoulement, yang merupakan sebahagian daripada undang-undang antarabangsa dan terikat pada semua negara, BROUK dan Fortify Rights menggesa Thailand untuk melindungi seseorang daripada dipulangkan semula ke negara di mana mereka boleh menghadapi pencabulan hak asasi manusia yang serius. Termasuklah "penolakan di sempadan, pemintasan dan refoulement tidak langsung" individu-individu yang menghadapi risiko penyeksaan atau pelanggaran hak hak asasi manusia serius yang lain.

34. Tempoh pengurungan berpanjangan dan risiko penahanan tidak terhad pelarian Rohingya di Malaysia menjadi perhatian khusus kepada BROUK dan Fortify Rights. Pemimpin-pemimpin dan pelarian Rohingya memberitahu BROUK dan Fortify Rights bahawa biasanya mereka menghabiskan 9-12 bulan dalam tahanan sebelum dibebaskan dengan sokongan UNHCR. Pelarian Rohingya hanya akan dibebaskan daripada tahanan di Malaysia kepada UNHCR melalui satu proses yang memerlukan rundingan dengan kerajaan Malaysia. Proses ini memakan masa dan tidak dijamin. BROUK dan Fortify Rights memuji usaha UNHCR untuk mengutamakan pendaftaran tahanan Rohingya demi membebaskan mereka daripada tahanan. Walau bagaimanapun, UNHCR perlu memberi penekanan yang sama atau lebih kepada strategi pencegahan untuk melindungi Rohingya daripada ditahan, termasuklah melalui akses terbuka kepada mekanisme pendaftaran dalam kalangan pelarian Rohingya.
35. BROUK dan Fortify Rights amat bimbang terhadap kesejahteraan beberapa ratus orang Rohingya yang terselamat dari krisis bot Mei 2015 yang dilaporkan masih ditahan di IDC Belantik. Pembekal perkhidmatan yang terdiri daripada badan bukan kerajaan memberitahu BROUK dan Fortify Rights bahawa akses ke pusat tahanan tersebut adalah amat terhad, termasuk dilaporkan untuk UNHCR. Pihak berkepentingan yang telah berhubung dengan BROUK dan Fortify Rights mempunyai sedikit maklumat mengenai keadaan atau layanan terhadap tahanan di IDC Belantik.
36. Kerajaan Malaysia dilaporkan meneruskan pengekangan akses ke beberapa pusat tahanan terhadap UNHCR dan pembekal perkhidmatan yang lain. BROUK dan Fortify Rights amat bimbang terhadap kesejahteraan tahanan pelarian di Malaysia, yang berisiko tinggi menghadapi penahanan tanpa had dan masalah kesihatan mental dan fizikal yang serius.
37. BROUK dan Fortify Rights tidak dapat mengakses pusat-pusat tahanan di Malaysia untuk menjalankan penilaian langsung mengenai keadaan di pusat-pusat tahanan. Walau bagaimanapun, beberapa pelarian Rohingya yang telah menghabiskan masa di pusat-pusat tahanan Malaysia melaporkan rawatan dan keadaan di pusat-pusat tahanan kelihatan jauh di bawah piawaian antarabangsa. BROUK dan Fortify Rights mengesyorkan Malaysia segera menamatkan penahanan yang menganiaya pelarian di pusat-pusat tahanan dan memastikan bahawa layanan terhadap tahanan dan keadaan di pusat-pusat tahanan dinaiktaraf selaras dengan piawaian antarabangsa.
38. Pihak berkuasa Malaysia sering menggunakan ancaman tangkap untuk memeras wang dan harta daripada pelarian yang tidak dapat menghasilkan dokumen yang betul. Pelarian Rohingya yang ditemuramah oleh BROUK dan Fortify Rights di Kuala Lumpur berkata polis tiba di tapak kerja pembinaan mereka dan menggari mereka selama beberapa jam sehingga mereka bersetuju untuk membayar demi pembebasan mereka. Pelarian Rohingya melaporkan bahawa pegawai polis secara rutin menetapkan mereka untuk membayar 100 hingga 1,000 Ringgit Malaysia (US \$ 25 hingga \$ 250) demi mengelakkan penangkapan dan penahanan; jumlah kedua tersebut adalah bersamaan dengan hampir gaji sebulan dalam sektor pembinaan di Kuala Lumpur. Badan bukan kerajaan yang bekerja dengan golongan pelarian di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur mengesahkan bahawa gangguan oleh pegawai polis adalah seringkali berlaku dan berkata, segelintir pegawai polis menghentikan golongan pelarian selepas hari gaji dengan pengetahuan bahawa mereka akan membawa wang tunai.

## Pengeksploitasian Buruh

---

39. Komuniti pelarian Rohingya di Malaysia memberitahu BROUK dan Fortify Rights mereka lazimnya menghadapi layanan yang berupa eksploitasi buruh. Di Malaysia, pelarian Rohingya, termasuk yang diiktiraf oleh UNHCR, tidak dibenarkan oleh undang-undang untuk bekerja. Tanpa kebenaran untuk berkerja, pelarian Rohingya tidak mempunyai akses kepada sektor pekerjaan formal dan hak-hak pekerja dan perlindungan tertentu di Malaysia. UNHCR telah mencuba untuk mengenal pasti peluang untuk memastikan komitmen rasmi daripada kerajaan Malaysia bagi menyediakan permit kerja untuk pelarian yang diiktiraf di Malaysia, suatu usaha yang perlu dipuji. Walau bagaimanapun, malangnya ahli-ahli politik kini dan sebelumnya tidak yakin terhadap idea tersebut dan mencadangkan kemungkinan komitmen sebegitu tidak akan muncul dari kerajaan Malaysia.
40. Pelarian Rohingya di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang memaklumkan BROUK dan Fortify Rights mengenai pembayaran sebahagian atau tidak membayar gaji dan keadaan kerja yang tidak baik. Sebagai contoh, seorang lelaki pelarian Rohingya di Pulau Pinang menceritakan bagaimana pertikaian kecil dengan majikannya yang timbul berkenaan isu pendahuluan gaji diperbesarkan kepada majikannya memanggil polis, yang menjadi punca kepada penahanan lelaki itu selama 24 jam sehinggalah seorang rakannya membayar polis demikian 1500 Ringgit Malaysia (US \$ 365) yang bagi membebaskan dirinya. Pelarian lain memberitahu BROUK dan Fortify Rights majikan mereka enggan membayar gaji penuh atau tidak dapat dihubungi selepas pelarian tersebut selesai kerja mereka. Badan bukan kerajaan lain yang bekerja dengan pelarian di Malaysia mengesahkan kelaziman penganiayaan buruh terhadap pelarian di Malaysia, menyatakan bahawa sifat kerja tidak formal pelarian digabungkan dengan status tidak berdokumen di Malaysia menjadikan ia sukar, jika bukan mustahil, untuk golongan Rohingya melaporkan pertikaian buruh dan penganiayaan kepada pihak polis.
41. Dalam setiap kes penganiayaan buruh yang digambarkan oleh pelarian Rohingya kepada BROUK dan Fortify Rights, golongan pelarian mengelakkan daripada melaporkan penganiayaan kepada polis kerana takut ditahan. Golongan pelarian memberitahu BROUK dan Fortify Rights bahawa mereka tidak boleh melaporkan jenayah kepada pihak polis kerana kekangan status undang-undang mereka di negara ini dan kerana takut bahawa mereka akan didakwa sebalik daripada dilindungi.
42. BROUK dan Fortify Rights amat mengesyorkan supaya Kerajaan Malaysia menghasilkan permit kerja kepada pelarian Rohingya, yang bukan sahaja akan membantu mengurangkan pengeksploitasian buruh terhadap pelarian tetapi akan membantu memenuhi permintaan pasaran buruh Malaysia. BROUK dan Fortify Rights juga menggesa Malaysia untuk memastikan perlindungan ke atas pekerja dan akses kepada keadilan untuk semua pekerja, termasuklah pelarian berdokumen dan tidak berdokumen dan individu-individu yang bekerja dalam sektor tidak formal.

# MALAYSIA

---

## Kekurangan Akses kepada Prosedur Suaka and Pendaftaran UNHCR

25. BROUK dan Fortify Rights amat bimbang dengan kekurangan akses kepada prosedur suaka bagi pelarian Rohingya di Malaysia. Tanpa akses kepada mekanisme ini, pelarian menghadapi risiko yang tinggi terhadap penangkapan, penahanan berpanjangan, eksploitasi, dan isu-isu perlindungan serius yang lain di Malaysia. BROUK dan Fortify Rights telah bertemu dengan beberapa komuniti Rohingya di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang dari 19 Februari hingga 21 Februari. Pada mesyuarat ini, pelarian Rohingya berulang kali menyatakan kekurangan akses kepada mekanisme pendaftaran dan pendokumentasian sebagai isu tunggal yang paling penting untuk bagi warga Rohingya di Malaysia. Menurut pemimpin-pemimpin pelarian Rohingya di Malaysia, ada kemungkinan terdapat lebih daripada 70,000 warga Rohingya yang hidup tanpa status atau pendokumentasian di Malaysia.
26. Malaysia bukan pihak kepada Konvensyen Pelarian 1951 mahupun Protokol 1967 dan tidak mempunyai rangka kerja undang-undang untuk mengawal selia status dan perlindungan terhadap pelarian. Pelarian dianggap sebagai "pendatang haram" yang memasuki negara ini tanpa kebenaran atau pendokumentasian yang betul. BROUK dan Fortify Rights mengingatkan Kerajaan Malaysia bahawa hak untuk mendapatkan dan menikmati suaka dari penindasan di negara-negara lain adalah suatu teras hak asasi manusia. BROUK dan Fortify Rights menggesa Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan suatu rangka kerja undang-undang yang sesuai untuk mengawal selia status dan perlindungan pelarian dalam negaranya.
27. Walaupun Malaysia tidak secara langsung melibatkan diri dalam pemprosesan pelarian, UNHCR telah mengekalkan kehadiran mereka di Malaysia sejak tahun 1975 dan telah lama memudahcarakan pendaftaran, pengiktirafan, dan penempatan semula pelarian dalam Malaysia ke negara-negara ketiga. BROUK dan Fortify Rights mengalu-alukan sokongan Malaysia terhadap operasi UNHCR dan menggalakkan peningkatan kerjasama dengan UNHCR.
28. BROUK dan Fortify Rights juga memuji UNHCR atas komitmennya untuk membantu dan melindungi pelarian dalam Malaysia dan mengalu-alukan komitmen baharu mereka untuk memberi keutamaan kepada bantuan terhadap pelarian Rohingya yang ditahan. BROUK dan Fortify Rights selanjutnya memperakui usaha UNHCR untuk mendaftar dan mempermudah pendokumentasian penting beberapa ribu Rohingya sejak tahun lepas. Di samping mengambil maklum bahawa dokumen-dokumen UNHCR tidak diiktiraf secara rasmi oleh Kerajaan Malaysia, terdapat beberapa pelarian Rohingya yang menerangkan kepada BROUK dan Fortify Rights kepentingan mendapat pendaftaran dan pendokumentasian UNHCR, yang memberi perlindungan tidak rasmi daripada gangguan polis dan pemerasan, eksploitasi buruh, dan penangkapan, serta akses yang lebih mudah kepada kemudahan penjagaan kesihatan dan peluang mata pencarian. Pendokumentasian ini lebih bermakna bagi warga Rohingya yang tidak mempunyai kerakyatan, yang mana dalam kebanyakan kes tidak pernah mempunyai sebarang bentuk pendokumentasian identifikasi.



29. BROUK dan Fortify Right mengambil perhatian dengan penuh kebimbangan terhadap perubahan dalam prosedur pendaftaran UNHCR sejak dua tahun yang lalu, hal ini telah mengurangkan akses kepada pendaftaran dan memberikan impak negatif kepada perlindungan pelarian di Malaysia. Walaupun BROUK dan Fortify Rights mengakui bahawa lebih daripada 50,000 pelarian Rohingya kini berdaftar dengan UNHCR di Malaysia dan semakin banyak warga Rohingya ditempatkan semula ke negara-negara ketiga, ramai daripada mereka yang berdaftar dan yang ditempatkan semula telah tinggal di Malaysia selama beberapa tahun, dalam beberapa kes lebih daripada satu dekad. Pemimpin-pemimpin pelarian dan ahli-ahli komuniti Rohingya memaklumkan BROUK dan Fortify Rights bahawa akses kepada mekanisme pendaftaran UNHCR untuk ketibaan baru telah menjadi semakin terhad sejak dua tahun yang lalu dan sebahagian besarnya terhad kepada warga Rohingya dalam tahanan, meninggalkan populasi Rohingya yang lebih besar pada risiko ditangkap dan isu-isu perlindungan lain. Pemimpin-pemimpin pelarian dan badan-badan bukan kerajaan yang berkhidmat dengan pelarian di Malaysia juga memaklumkan BROUK dan Fortify Rights yang UNHCR menambah perubahan dalam prosedur pendaftaran tanpa rundingan yang bermakna atau dialog dengan komuniti atau pihak berkepentingan yang terlibat.
30. Pelarian Rohingya dalam Malaysia yang tidak berdaftar dengan UNHCR menjelaskan kepada BROUK dan Fortify Rights bahawa mereka mengelakkan daripada meninggalkan kediaman mereka melainkan jika perlu, kerana takut kepada pihak polis yang lazimnya memeras wang dan menangkap dan menahan pelarian tidak berdaftar.
31. Menjawab soalan mengenai perubahan dalam operasi UNHCR yang menyebabkan penyempitan akses kepada prosedur pendaftaran bagi pelarian di Malaysia, Ketua Perwakilan UNHCR Malaysia menjelaskan kepada BROUK bahawa persekitaran politik menghalang UNHCR daripada memudahkan akses terbuka kepada prosedur pendaftaran. Sementara BROUK dan Fortify Rights mengakui cabaran yang dihadapi oleh operasi UNHCR di Malaysia, seorang bekas pegawai kerajaan berpangkat tinggi Malaysia menyatakan bahawa pihak kerajaan kini berkemungkinan lebih terbuka kepada latihan pendaftaran UNHCR kerana ia akan memberikan angka penduduk tanpa dokumen di Malaysia yang boleh dipercayai dan membantu mempermudah penempatan semula pelarian ke negara-negara ketiga. BROUK dan Fortify Rights menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara Kerajaan Malaysia dan UNHCR untuk memastikan pelarian mempunyai akses penuh, bebas, dan terbuka kepada prosedur suaka.

## Keganasan Polis dan Penahanan

---

32. BROUK dan Fortify Rights amat bimbang mengenai penahanan yang berlarutan dan tidak terhad beribu-ribu warga Rohingya di pusat-pusat tahanan yang daif dengan kelengkapan di seluruh Malaysia. Menurut UNHCR, terdapat lebih daripada 3000 warga Rohingya dalam tahanan di Malaysia, angka ini menrangkumi 75 peratus pelarian yang ditahan di pusat-pusat tahanan di Malaysia. BROUK dan Fortify Rights menggesa Kerajaan Malaysia untuk segera melepaskan pelarian, termasuk orang Rohingya, dari pusat-pusat tahanan, mengingatkan Kerajaan Malaysia bahawa undang-undang antarabangsa melarang penahanan arbitrari, menyalahi undang-undang, atau tidak terhad, termasuklah mereka yang bukan warganegara.
33. Pihak berkuasa Malaysia telah lama menjalankan serbuan imigresen menyasarkan pendatang tidak berdokumen di negara ini, termasuklah mereka yang terdiri daripada golongan pelarian. Pelarian Rohingya memberitahu BROUK dan Fortify Rights bahawa pelarian berdaftar dan tidak berdaftar kedua-duanya berisiko ditangkap dan ditahan oleh pihak berkuasa di Malaysia, tetapi mencadangkan bahawa pelarian berdaftar mempunyai kelebihan untuk berunding dengan pihak polis dan mengelakkan penangkapan.

## Kekurangan Akses kepada Penjagaan Kesihatan dan Pendidikan

---

43. BROUK dan Fortify Rights bimbang dengan kekurangan akses kepada penjagaan kesihatan bagi golongan pelarian di Malaysia. Ahli-ahli komuniti pelarian Rohingya memberitahu BROUK dan Fortify Rights bahawa mereka seakan langsung tidak mempunyai akses kepada hospital atau penjagaan kesihatan di Malaysia. BROUK dan Fortify Rights mengambil perhatian terhadap perubahan-perubahan dasar yang tidak menggalakkan di Malaysia sejak setahun lalu, menyebabkan kenaikan kadar yang ketara bagi golongan migran yang ingin mendapatkan rawatan perubatan. Pelarian Rohingya mengesahkan bahawa peningkatan kos yang terlalu tinggi untuk mendapatkan rawatan perubatan telah menghalang mereka daripada mengakses penjagaan kesihatan di Malaysia.
44. BROUK dan Fortify Rights mengambil maklum dengan kebimbangan bahawa kerajaan Malaysia menafikan golongan migran, termasuklah pelarian, akses kepada sekolah-sekolah Malaysia. Pemimpin-pemimpin golongan pelarian Rohingya memberitahu BROUK dan Fortify Rights bahawa kanak-kanak pelarian Rohingya biasanya menghadiri pusat-pusat pembelajaran agama berasaskan komuniti, yang kebanyakannya terletak di bangunan kediaman disewa atau kedai-kedai yang sering sesak, kotor, dan kekurangan kemudahan asas. Pelarian Rohingya melahirkan ketakutan bahawa seluruh generasi kanak-kanak Rohingya yang membesar di Malaysia akan "hilang" hasil kekangan daripada mendapat pendidikan yang mencukupi. BROUK dan Fortify Rights mengingatkan Malaysia tentang obligasinya sebagai suatu pihak kepada Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC) untuk memastikan pendidikan rendah adalah percuma dan terbuka kepada semua kanak-kanak, termasuk pelarian, mengikut Perkara 28.

## INDONESIA

---

### Pengurungan dan Keadaan Kem-Kem di Aceh

45. BROUK dan Fortify Rights bimbang berkenaan layanan terhadap dan keadaan pelarian Rohingya di Indonesia, khususnya beberapa ratus yang masih dikurung dalam kem-kem yang kurang berengkapan di Aceh. BROUK dan Fortify Rights telah melawat tiga kem di Aceh yang berpenghuni kira-kira 300 pelarian Rohingya, yang terselamat dari krisis bot Mei 2015.
46. BROUK dan Fortify Rights berbesar hati dengan pihak berkuasa yang menyelia kem kerana membenarkan keluarga untuk tinggal bersama-sama dan telah menyediakan ruangan yang berasingan untuk wanita.
47. Pelarian Rohingya di Aceh kekal dikurung dalam kem-kem. Pelarian Rohingya tidak dibenarkan untuk bergerak ke luar kawasan kem, yang dijaga oleh pihak berkuasa Indonesia. Pelarian Rohingya memaklumkan BROUK dan Fortify Rights bahawa mereka tidak mempunyai akses kepada peluang kehidupan dan bergantung kepada pembekal perkhidmatan untuk keperluan asas hasil daripada pengurungan mereka dalam kem-kem. Walaupun Indonesia harus dipuji kerana tidak menempatkan pelarian Rohingya ke dalam pusat-pusat tahanan-tidak seperti Thailand dan Malaysia-pengurungan pelarian Rohingya ke kem-kem masih melanggar hak kebebasan mereka. Kerajaan Indonesia perlu mengangkat sekatan ke atas hak pergerakan pelarian Rohingya di Aceh.
48. BROUK dan Fortify Rights memandang serius bahawa penduduk pelarian Rohingya di Aceh juga merangkumi beberapa dozen kanak-kanak, yang dilaporkan tidak mempunyai akses

49. kepada peluang pendidikan formal. BROUK dan Fortify Rights mengingatkan Indonesia berkenaan obligasinya di bawah Perkara 28 CRC untuk menyediakan akses ke pendidikan rendah wajib dan percuma bagi semua kanak-kanak, termasuklah golongan pelarian. 49. Pelarian Rohingya di Aceh menzahirkan kebimbangan mereka mengenai kekangan akses kepada telefon bimbit. Sesetengah pelarian Rohingya mendedahkan kepada BROUK dan Fortify Rights bahawa satu badan bukan kerajaan pada satu titik menyediakan telefon bimbit bagi golongan pelarian dalam kem tersebut, yang kemudiannya dirampas oleh pihak berkuasa Indonesia. Pelarian Rohingya yang lain pula memberitahu BROUK dan Fortify Rights bahawa mereka tidak mampu untuk membeli telefon atau kredit telefon. BROUK dan Fortify Rights mengesyorkan bahawa sebolehnya, pelarian harus disediakan dengan akses kepada telefon bimbit dan lain-lain bentuk komunikasi sebagai salah satu sumbangan terhadap perlindungan dan kebebasan asas mereka.
50. BROUK dan Fortify Rights bimbang selanjutnya berkenaan dakwaan bahawa kakitangan organisasi kemanusiaan yang beroperasi di kem-kem tersebut melayan pelarian Rohingya dengan buruk. Sebagai contoh, seorang penghuni kem mendakwa dirinya ditampar oleh seorang pekerja sebuah organisasi kemanusiaan Indonesia yang mentadbir kem tersebut apabila dia meminta kad telefon, sebaliknya daripada bantuan berasaskan makanan, untuk memanggil saudara-maranya di luar negara.
51. BROUK dan Fortify Rights mengambil maklum dengan kebimbangan kehilangan beberapa ratus pelarian Rohingya dari kem-kem di Aceh. Apabila Fortify Rights pertama kali melawat pelarian Rohingya di Aceh kurang daripada dua minggu selepas para nelayan menyelamatkan mereka dari bot-bot yang ditinggalkan oleh penyeludup manusia pada bulan Mei 2015, lebih daripada 1000 warga Rohingya lelaki, wanita, dan kanak-kanak telah menghuni beberapa kem-kem sementara. BROUK dan Fortify Rights berkata kini terdapat hanya kira-kira 300 pelarian Rohingya di kem-kem di Aceh. Pelarian Rohingya memberitahu BROUK dan Fortify Rights bahawa ramai pelarian Rohingya melarikan diri dari kem-kem tersebut ke Malaysia, yang mana merupakan destinasi asal mereka. BROUK dan Fortify Rights menyedari bahawa ramai pelarian Rohingya di Aceh mempunyai ahli keluarga di Malaysia dan menggesa kerajaan Indonesia untuk bekerjasama dengan Malaysia untuk membangunkan skim formal bagi memudahcarakan penyatuan semula keluarga pelarian antara negara-negara tersebut. Inisiatif sedemikian boleh membantu mencegah potensi penyeludupan manusia di antara negara.

## Kekurangan Solusi Jangka Panjang

52. Walaupun BROUK dan Fortify Rights memuji tindakan Kerajaan Indonesia atas kerjasamanya dengan UNHCR dan mengakui usaha UNHCR untuk memudahkan akses yang kena pada masanya terhadap prosedur pendaftaran dan pengiktirafan bagi pelarian di Indonesia, organisasi-organisasi tersebut mengambil perhatian dengan kebimbangan atas kekurangan solusi jangka panjang bagi pelarian Rohingya di Indonesia. Pelarian Rohingya dilaporkan menunggu dalam tempoh yang lama untuk penempatan semula ke negaranegara ketiga. Sebagai contoh, BROUK dan Fortify Rights telah bertemu dengan beberapa pelarian Rohingya yang telah menghabiskan 12 tahun di Indonesia menunggu peluang untuk penempatan semula ke negara ketiga.
53. Integrasi tempatan juga bukan suatu pilihan untuk pelarian Rohingya di Indonesia pada masa ini, hal ini disebabkan oleh sekatan ke atas kebebasan pergerakan mereka. Pelarian Rohingya dikehendaki tinggal di penginapan yang ditadbir oleh Pertubuhan Antarabangsa bagi Migrasi (IOM) dan dikehendaki mendapatkan kebenaran untuk berjalan ke lokasi lain. Indonesia seharusnya mengangkat sekatan-sekatan ini dan menyediakan pelarian Rohingya dengan peluang-peluang untuk mengintegrasikan diri mereka ke dalam masyarakat Indonesia.

## Gangguan ke atas dan Pengusiran Efektif En. Tun Khin, Presiden BROUK

---

54. BROUK dan Fortify Rights kecewa dan amat bimbang dengan pihak berkuasa Indonesia yang secara efektif menghantar pulang BROUK Presiden Encik Tun Khin pada 6 Mac berikutan sesi "bertemu dan berkenalan" dengan golongan pelarian Rohingya pada 4 Mac.
55. Pada petang 4 Mac, Tun Khin menghadiri mesyuarat komuniti pelarian Rohingya di Makassar. Pegawai-pegawai imigresen menghadiri mesyuarat itu tanpa diumumkan dan menuntut pasport UK Tun Khin, yang mana Tun Khin sediakan. Pihak berkuasa kemudian membawa Tun Khin ke hotelnya di mana mereka menyoal siasat beliau dan mengancam untuk mengusir beliau. Apabila pihak berkuasa meninggalkan hotel tersebut, mereka mengambil pasport Tun Khin, mengarahkan beliau untuk melaporkan diri ke pejabat imigresen pagi berikutnya. Pada 5 Mac, Tun Khin melaporkan diri ke pejabat imigresen itu, di mana beliau telah selanjutnya disoal siasat. Pihak berkuasa imigresen mengarahkan Tun Khin menandatangani kenyataan yang ditulis dalam Bahasa Indonesia dan enggan menyediakan beliau satu salinan pernyataan tersebut atau membenarkan beliau untuk mengambil gambar kenyataan tersebut. Pihak berkuasa memaklumkan beliau bahawa mereka akan mengiring beliau ke Jakarta pada hari Isnin, 7 Mac, seterusnya keluar dari negara ini. Tun Khin memperolehi pasportnya pada 6 Mac dan segera meninggalkan negara tersebut tanpa pengiring atau proses selanjutnya.
56. BROUK dan Fortify Rights khususnya bimbang dengan pegawai Imigresen Makassar yang menuntut untuk mengetahui nama-nama pelarian bertanggungjawab untuk menganjurkan mesyuarat komuniti bersama Tun Khin, dan mengancam untuk mengambil kad UNHCR mereka dan menghantar mereka pulang ke Myanmar. BROUK dan Fortify Rights akan terus memantau keadaan itu demi individu-individu yang mengambil bahagian dalam mesyuarat masyarakat pada 4 Mac.
57. BROUK dan Fortify Rights mempercayai bahawa pihak berkuasa Indonesia berusaha untuk menakut-nakutkan Tun Khin, melalui soal siasat dan pengusiran efektif, demi menghalang beliau daripada memberikan sokongan moral dan sokongan advokasi kepada masyarakat pelarian di Indonesia.
58. BROUK dan Fortify Rights mengingatkan Kerajaan Indonesia bahawa hak untuk kebebasan berserikat dan berhimpun secara aman tertakluk kepada semua termasuklah golongan pelarian.

## Penghargaan

---

Burmese Rohingya Organization UK (BROUK) dan Fortify Rights ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli komuniti pelarian Rohingya di Thailand, Malaysia, dan Indonesia untuk berkongsi masa dan pengalaman mereka dan terutamanya mereka yang membantu menganjurkan mesyuarat komuniti. Kami mengucapkan terima kasih khasnya kepada pegawai-pegawai kerajaan, bekas pegawai-pegawai kanan kerajaan, wakil-wakil badan bukan kerajaan, dan pegawai-pegawai PBB yang bertemu dengan kami di seluruh rantau ini. Terima kasih khasnya kepada rakan-rakan Rohingya, Thai, Malaysia, Aceh, dan Indonesia dan rakan-rakan seperjuangan yang dengan mesranya menjadi tuan rumah kami dan menganjurkan mesyuarat-mesyuarat. BROUK dan Fortify Rights juga menyampaikan ucapan terima kasih khas kepada pasukan di Yayasan Geutanyoe untuk memudahkan mesyuarat di Indonesia dan untuk masa dan kerjasama yang membantu daripada mereka.



[www.FortifyRights.org](http://www.FortifyRights.org)



[www.brouk.org.uk](http://www.brouk.org.uk)

**FORTIFY RIGHTS** berkerja untuk mengakhiri dan memulihkan bila wujud pencabulan hak asasi manusia. Kami menyiasat pencabulan hak asasi manusia, melibatkan diri dengan pihak-pihak berkuasa, dan mengukuhkan respon kepada penyalahgunaan melalui latihan dan sokongan kerjasama untuk pembela-pembela hak asasi manusia. Kami merupakan suatu oganisasi bebas, bukan untuk keuntungan yang berpangkalan di Asia Tenggara dan didaftarkan di Amerika Syarikat dan Switzerland.

[FortifyRights.org](http://FortifyRights.org)

**THE BURMESE ROHINGYA ORGANISATION UK (BROUK)** adalah untuk meningkatkan keadaan sosial dan hak asasi manusia golongan Rohingya dari Myanmar dan serantau. BROUK berkerja untuk menggalakkan dan memberi publisiti demi kesejatian dan kesejahteraan isu Rohingya, untuk berkongsi maklumat, mengukuhkan solidariti dan pemahaman kepada mereka yang tinggal di United Kingdom dan di seluruh dunia. BROUK berinteraksi dengan pihak kerajaan, media, badan-badan hak asasi manusia antarabangsa dan serantau, komuniti-komuniti setempat untuk membela warga Rohingya bagi pihak mereka. BROUK telah menjadi suara terkemuka untuk warga Rohingya sejak tahun 2012 dan telah didaftarkan di United Kingdom. [Brouk.org.uk](http://Brouk.org.uk)



[www.FortifyRights.org](http://www.FortifyRights.org)



[www.brouk.org.uk](http://www.brouk.org.uk)